

UMS johan dalam Malam Citra Bayu 2020

UB 11032020 15



DARI KAMPUS

PULAU PINANG: Per-satuan Siswa Siswi Sabah (PERSIS USM) men-ganjurkan program ini di peringkat kebangsaan di mana sembilan IPTA yang lain turut serta iaitu Universiti Sains Malaysia, UiTM Shah Alam, Uni-versiti Utara Malaysia, Uni-versiti Putra Malaysia, Uni-versiti Teknikal Ma-laysia Melaka, Uni-versiti Malaysia Sabah, Uni-versiti Malaya dan Universiti

Teknologi Malaysia. Pelajar dari Kelab Kebudayaan UMS memenangi Pertandingan Tarian Malam Citra Bayu yang ke-13 di Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.

Pasukan itu juga ber-jaya merangkul beberapa anugerah dalam kategori yang dipertandingkan iaitu Anugerah Penari Lelaki Terbaik, Anugerah Busana Terbaik dan Anugerah Koreografi Terbaik.

Pasukan tarian ini di bawah bimbingan Norain Abd Razak turut gem-bira dengan hasil daripada usaha pelajar UMS.

Beliau berkata: "Saya amat puas hati atas usaha gigih pelajar serta ko-reografer mereka sehinggakan prestasi itu dapat membanggakan

warga UMS dan juga dapat membawa nama UMS ke persada antarabangsa.

"Penglibatan daripada semua pihak juga membantu dalam kejayaan ini kerana pasukan ini buat dengan penuh rasa dan yang terbaik semasa latihan sehingga ke atas pentas," katanya.

Beliau juga menyatakan keinginan untuk mem-bawa pasukan UMS ini ke luar negara jika terdapat peluang dan rezeki untuk mengharumkan lagi nama UMS di peringkat antara-bangsa.

Pertandingan berlang-sung seawal jam 8 malam hingga 11.30 malam yang juga turut mengundang artis jemputan Estranged untuk meriahkan lagi acara berkenaan.



JOHAN: Barisan pelajar dari Kelab Kebudayaan UMS.